

Penghantaran pelajar ke Universiti Crimea dikaji

Daripada Manja Ismail

BH 17/7/03

YALTA (Crimea, Ukraine): Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula penghantaran pelajar Malaysia bagi mengikuti jurusan perubatan di Universiti Crimea dekat sini, selepas mendapati ada institusi pengajian lain di Ukraine yang lebih bermutu dalam bidang itu.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamed berkata, selepas melawat Universiti Crimea dan menemui pelajar Malaysia di sana kelmarin, pihaknya mendapati pengajian perubatan di situ tidak sehebat kursus teknologi pertahanan di dua lagi institusi yang dilawati di Kiev.

"Malah kursus perubatannya tidak setanding bukan saja dengan universiti di Barat, tetapi di Malaysia sendiri. Malah, mutu pengajian perubatan di Odessa lebih tinggi. Oleh itu, kita akan menilai semula penghantaran pelajar perubatan di Crimea.

"Lagi pun, mereka mengambil terlalu ramai pelajar. Saya akan mengarahkan pegawai Kementerian Pendidikan datang membuat penilaian semula serta meninjau kemampuan universiti lain di negara ini yang tidak sempat saya lawati," katanya, yang mengikuti rombongan lawatan rasmi Perdana Menteri di sini semalam.

Kira-kira 500 pelajar Malaysia, sebahagian besarnya atas tajaan sendiri, sedang mengi-

kuti kursus perubatan di universiti itu, manakala 300 orang lagi pada peringkat pra-perubatan.

Sebelum ini, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) turut menasihatkan pelajar supaya mendapatkan nasihat Jabatan Pendidikan Tinggi serta memastikan iklan yang disiarkan ejen universiti terbabit tidak mengelirukan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika ditanya perkara itu pada sidang akhbar kelmarin berkata, Kementerian Pendidikan diarah mengkaji perkara itu kerana sebahagian pelajar datang dulu, tanpa mengira sama ada kelulusan mereka akan diiktiraf atau tidak.

"Selepas itu mereka akan mendesak melalui saluran politik supaya kelulusan mereka mesti diterima. Jadi mereka mengambil risiko dan kerana itu, mereka harus menerima kesan daripada risiko itu.

"Kita sudah buat kajian bahawa kita akan hantar (pelajar) apabila kita puas hati mengenai standard di sesebuah institusi pengajian itu," katanya sambil menambah, kerajaan akan meminta Kedutaan Russia menubuhkan pusat bahasa Russia seperti yang dilakukan Jerman di Kuala Lumpur bagi membantu pelajar Malaysia yang berminat mengikuti kursus di negara yang menggunakan bahasa itu.

Sementara itu, Musa berkata

selain universiti perubatan di Crimea, beliau sempat meninjau sebuah universiti yang menawarkan kursus 'kejuruteraan penerbangan awam dan sebuah politeknik, kedua-duanya di Kiev.

Katanya, pengajian dalam bidang penerbangan awam dan aeronatik yang ditawarkan oleh universiti itu bermutu tinggi dan mereka bersedia menawarkan tempat kepada pelajar Malaysia.

Malah, katanya, jika ramai pelajar Malaysia berminat mengikuti bidang itu, universiti berkenaan sanggup mengadakannya dalam bahasa Inggeris berbanding dalam bahasa Russia seperti sekarang.

"Apabila pulang nanti, saya akan memanggil institusi pengajian tinggi tempatan untuk memberitahu perkara ini dan berbincang sama ada mereka berminat untuk menghantar pelajar untuk ijazah lanjutan," katanya.

Musa berkata, politeknik di Kiev pula bukan saja menawarkan kursus teknikal yang bermutu tinggi, malah ramai profesornya terkenal di dunia dalam bidang masing-masing melalui buku dan sumbangan mereka.

"Mereka mempunyai tradisi keilmuan yang boleh kita sanjungi. Peluang untuk belajar di universiti seumpama ini harus direbut oleh pelajar Malaysia tetapi mereka harus belajar bahasa Russia," katanya.